

21 OCT 1996

KERAJAAN MUNGKIN MENGHENTIKAN PEMBINAAN LOJI TENAGA BEBAS, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 21 Okt (Bernama) -- Malaysia mungkin menghentikan penubuhan loji-loji tenaga yang baru oleh pengeluar-pengeluar tenaga bebas (IPP) kerana bilangan yang beroperasi dan dalam proses kelulusan adalah tinggi, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Sambil mengakui bahawa permintaan untuk elektrik sedang meningkat dengan cepatnya, beliau berkata "melainkan kita dapat memberi jaminan kepada mereka (IPP) tentang satu pasaran, adalah berbahaya untuk hanya membiarkan mereka mendirikan loji-loji dan kemudian mendapati mereka terpaksa membiarkan loji itu terbiar."

Dr Mahathir, yang terdahulu merasmikan Persidangan Ke-11 Industri Bekalan Tenaga Elektrik (CEPSI) di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, berkata demikian kepada pemberita yang ingin tahu sama ada masanya akan tiba bila IPP perlu memasuki tawaran untuk menjual elektrik kepada Tenaga Nasional Bhd yang pada masa ini terpaksa membeli elektrik yang dijanakan oleh IPP.

Perdana Menteri bersetuju bahawa IPP akhirnya terpaksa bersaing untuk menjual elektrik yang mereka janakan.

"Sudah tentu, kita mahu bekalan elektrik semurah yang mungkin, jadi, mereka yang mahu menceburi bidang ini mesti meyakinkan kita bahawa mereka akan memenuhi persoalan ekonomi.

"Juga, kita tidak mahu membunuh TNB semata-mata kerana ingin memberi keuntungan besar kepada IPP," tegas Perdana Menteri.

Sementara itu, pengerusi eksekutif Tenaga Nasional Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali, enggan mengulas kenyataan Dr Mahathir berhubung kemungkinan kerajaan membekukan penubuhan IPP baru.

Beliau berkata loji-loji masa depan boleh ditubuhkan bila tiba masanya; "bukan mendahului masa."

Menurut laporan, Malaysia kini mempunyai lebihan bekalan elektrik dengan jumlah keupayaan terpasang mencapai 10,110 megawatt dan permintaan semasa puncak sebanyak 7,063 megawatt, memberikan margin rizab sebanyak 43 peratus.

Mengenai kemungkinan merundingkan semula perjanjian pembelian tenaga antara Tenaga Nasional dan IPP, Dr Ahmad Tajuddin berkata untuk sementara ini, Tenaga Nasional terpaksa akur kepada perjanjian-perjanjian yang ditandatangani.

Ditanya tentang kemungkinan Tenaga Nasional mencadangkan kenaikan tarif elektrik, Dr Ahmad Tajuddin berkata sebarang cadangan untuk menaikkan tarif bukan kerana ketidakcekapan atau pengeluaran yang rendah tetapi peningkatan kos pembayaran kepada IPP.

"Penekanan kami ialah untuk memastikan kecekapan di TNB, tetapi kami terpaksa kerugian kerana kos-kos lain telah meningkat," tambahnya.

Para penganalisis berkata pembayaran kepada IPP merupakan hampir 40 peratus daripada kos pengendalian Tenaga Nasional.

Dalam 1995, Tenaga Nasional membayar RM1.6 bilion kepada IPP. Bagi 1996 dan 1997, pembayaran tersebut dianggarkan RM2.174 bilion, 1998 sebanyak RM3.106 bilion dan bagi 1999 sebanyak RM3.106 bilion.

Setakat ini, 12 IPP telah diberi lesen dan lima telahpun beroperasi, membekalkan kira-kira 30 peratus tenaga kepada Semenanjung Malaysia di mana Tenaga Nasional masih memegang monopoli penghantaran dan pengagihan.

IPP yang sedang beroperasi ialah Segari Energy Ventures Sdn Bhd di Lumut, Perak; Port Dickson Power Sdn Bhd di Negeri Sembilan; Genting Sanyen

Power Sdn Bhd di Kuala Langat, Selangor; Powertek Bhd di Melaka dan YTL
Power Generation Sdn Bhd di Pasir Gudang, Johor, dan Paka, Terengganu.

Projek empangan hidroelektrik Bakun berharga RM13.6 bilion di Sarawak
dengan keupayaan 2,400 megawatt dijangka akan mula menjanakan elektrik pada
tahun 2003.

-- BERNAMA

JR SIA